



**KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**  
***DIRECTOR GENERAL OF HEALTH MALAYSIA***

Kementerian Kesihatan Malaysia,  
Aras 12, Blok E7, Parcel E,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan  
Persekutuan,  
62590 Putrajaya

Tel :603-88832545  
Faks :603-88895542  
E-mail :hasar@moh.gov.my

**KENYATAAN AKHBAR**  
**KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**

**WABAK PERTAMA CHIKUNGUNYA DI MALAYSIA BAGI TAHUN 2012**

Pada 11 Februari 2012, Kementerian Kesihatan telah menerima laporan daripada Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM) di mana seramai 53 daripada 94 orang pelajar dan pensyarah dari Kolej Swasta di Kuang, Selangor telah mengalami demam, sakit badan dan sebahagiannya mengalami sakit kepala, sakit sendi dan batuk, seminggu selepas balik daripada Pulau Pangkor. Sembilan puluh empat (94) orang yang terdiri dari 88 orang pelajar dan 6 orang pensyarah ini, telah menghadiri kursus dan berada di salah sebuah pusat peranginan di Teluk Nipah, Pulau Pangkor pada 17 hingga 19 Januari 2012. Bermula dari 6 hingga 9 Februari, terdapat 53 orang dari kumpulan ini telah mendapatkan rawatan di PPUM kerana mengalami gejala-gejala yang sama. Sembilan (9) dari mereka dimasukkan ke wad kerana memerlukan pemantauan dan rawatan lanjut.

Hasil keputusan ujian makmal terhadap 53 sampel darah yang diambil daripada mereka yang mempunyai gejala-gejala dan mendapatkan rawatan di PPUM, 22 kes telah disahkan positif untuk penyakit Chikungunya melalui ujian antibodi, 2 sampel negatif dan 29 lagi masih menunggu keputusan. Manakala terdapat satu kes adalah positif untuk Leptospirosis. Kes Leptospirosis yang kebetulan dikesan bersama kes-kes Chikungunya ini merupakan seorang daripada pensyarah di kolej ini yang telah pun mengalami demam, sakit kepala, muntah dan batuk semasa berada di pulau tersebut. Kesemua kes yang dimasukkan ke wad adalah dalam keadaan stabil.

Jangkitan penyakit Chikungunya adalah disebabkan oleh virus dan disebarkan dari satu individu kepada individu yang lain oleh nyamuk Aedes.

Jangkitan penyakit ini akan mudah merebak terutama di kawasan yang mempunyai populasi nyamuk yang tinggi dan tempat-tempat yang banyak pembiakan. Pemantauan oleh Kementerian Kesihatan menunjukkan tempat dimana pesakit-pesakit menginap di pusat peranginan di Pulau Pangkor, mempunyai kadar pembiakan Aedes yang tinggi sehingga 5% dan begitu juga di sekitar kolej pelajar dan pensyarah di Kuang, Selangor.

Sejak bulan November tahun 2011, tiada kes penyakit Chikungunya dilaporkan di Malaysia. Pada tahun 2011, jumlah keseluruhan kes Chikungunya yang dilaporkan adalah 30 kes berbanding 804 yang dilaporkan pada tahun 2010, penurunan sebanyak 776 kes atau 96 %. Hanya satu kejadian wabak Chikungunya dilaporkan sepanjang tahun 2011 dan 2010. Bagi tahun 2012, kes pertama dilaporkan dari Johor pada 11 Februari dan ini adalah merupakan wabak Chikungunya yang pertama dilaporkan dan menjadikan kes keseluruhan Chikungunya diseluruh negara sehingga 12 Februari adalah sebanyak 23 kes.

Walau pun wabak Chikungunya jarang berlaku sejak 2 tahun kebelakangan ini, namun Kementerian Kesihatan menyeru kepada masyarakat agar sentiasa berwaspada dan menjaga kebersihan persekitaran mereka. Penyakit Chikungunya yang hampir serupa dengan penyakit Demam Denggi, samada dari segi gejala, cara ianya disebarkan dan nyamuk yang menyebarkan virus juga serupa iaitu Aedes, maka pencegahan dengan menghapuskan tempat tempat pembiakan dapat menghindarkan kedua-dua penyakit ini. Pada lazim Chikungunya tidak menyebabkan kematian seperti denggi. Di samping itu amalan menjaga kebersihan persekitaran terutamanya supaya bebas dari pembiakan tikus adalah perlu bagi menghindari diri dari penyakit seperti Leptospirosis.

**DATO' SRI DR HASAN ABDUL RAHMAN**

Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia

12 Februari 2012